

14.55 juta pencarum KWSP akan alami kerugian

BH 4/11

Kuala Lumpur: Seramai 14.55 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berdepan kerugian berbilion ringgit daripada segi potensi dividen, jika cadangan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng, berhubung kutipan tol di lebuh raya PLUS Malaysia Bhd (PLUS) dilaksanakan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan pada 2011 menyaksikan kepentingan kerajaan ke atas syarikat itu, berkurangan kepada 51 peratus, manakala 49 peratus lagi dipegang KWSP.

Justeru, katanya, tuduhan Guan

Eng yang juga Setiausaha Agung DAP itu kelmarin bahawa Kerajaan Barisan Nasional (BN) hanya membiarkan kroni mengaut untung besar apabila meneruskan kutipan tol di lebuh raya itu adalah tidak berasas.

Jana tunai kukuh

"Tiada satu saham pun dimiliki secara kroni persendirian seperti dinyatakan, agak meragukan jika Guan Eng menganggap 14.55 juta pencarum KWSP itu sebagai kroni. Pemilikan KWSP dalam PLUS, membolehkan pencarum menerima pulangan stabil setiap tahun.

"Ia hasil pelaburan dalam aset

matang yang mampu menjana tunai dengan kukuh," katanya sambil menambah, tuduhan Guan Eng itu lanjutan saranannya tahun lalu supaya tol di lebuh raya itu dihapuskan dan diganti kutipan cukai jalan untuk menampung kos penyelenggaraan dan penambahbaikan.

Fadillah berkata, kutipan cukai jalan RM2.4 bilion setahun tidak mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan lebuh raya PLUS, ditambah pembiayaan bagi 50,000 kilometer jalan Persekutuan yang disediakan tanpa tol dan jalan negeri menerusi peruntukan tahunan khusus untuk negeri ter-

babit.

"Cukai jalan di Malaysia antara terendah di dunia dengan kebanyakan pemilik kereta membayar RM90 setahun, menjadikan kutipan keseluruhan kira-kira RM2.4 bilion setahun. Kos PLUS setahun kira-kira RM1 bilion termasuk kos operasi, penyelenggaraan, kawal selia dan perbelanjaan naik taraf 986.5 kilometer.

"Bahkan PLUS juga perlu membelanjakan berbilion ringgit lagi untuk memperluaskan jalan kepada tiga atau empat lorong bagi mengelak kesesakan serta menjadikannya lebih selamat untuk pengguna," katanya.



Tiada satu saham pun dimiliki secara kroni persendirian seperti dinyatakan, agak meragukan jika Guan Eng menganggap 14.55 juta pencarum KWSP itu sebagai kroni"

Fadillah Yusof,
Menteri Kerja Raya